

Doktrin *Masyaqqah* dan Hukum Keringanan Menurut Prinsip Islam

Saadan Man

Abstract

Islam always uphold moderateness in its practice, never to force its followers into doing something beyond their capability. This article discusses mashaqqah or hardship and how the doctrine can be applied in lessening hardship in the practice of Islam. Mashaqqah is discussed with its divisions and sub-divisions followed by the doctrine of rukhsah of facilitation, the doctrine by which the mashaqqah is resolved.

Pendahuluan

Dalam penulisan ulama fiqh dan usul fiqh, doktrin ini banyak dibincangkan dalam konteks *maqasid al-syari'ah* (tujuan syariat) dan selalunya diikuti dengan perbincangan konsep *al-taisir* (memudahkan), *rukhsah* (kelonggaran) dan *al-takhfif* (meringankan). Tulisan ini cuba melihat persoalan masyaqqah (kesusahan) dalam melaksanakan hukum-hukum dan menghuraikan penyelesaiannya menurut kaedah *al-takhfif* yang diperkenalkan oleh Syariat.

Doktrin *al-Masyaqqa* ini sebenarnya dibincangkan oleh para ulama di bawah mauduk *al-dharurah*. Salah satu dari lapan kaedah yang terpakai dalam konsep *al-dharurah* ialah:

“Kesulitan itu membawa kepada kesenangan atau kemudahan.”¹

Kaedah ini berdasarkan kepada firman Allah s.w.t.

“Allah menghendaki kesenangan pada kamu dan Dia tidak menghendaki kesusahan pada kamu”

(*al-Baqarah*) 2: 185

“Dan Allah tidak menjadikan di dalam agama ini sebarang kesulitan”

(*al-Hajj*) 22: 78

“Allah tidak membebankan seseorang itu kecuali sekadar kemampuannya”

(*al-Baqarah*) 2: 286

Sabda Nabi s.a.w. yang bermaksud:

“Aku diutuskan dengan agama yang suci dan mudah (memberi kelonggaran)”

(Riwayat Ahmad)

“Sesungguhnya agama yang paling disukai Allah ialah yang suci dan memberi kesenangan”

(Riwayat Tabrani)

“Sesungguhnya kamu diutuskan untuk memudahkan bukan menyusahkan”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

“Dan permudahkanlah dan jangan menyusahkan”

(Riwayat Bukhari dan Muslim)

“Sesungguhnya agama itu mudah” (*Rasulullah bersabda tiga kali*)

(Riwayat Ahmad)

Definisi dan Kepentingan

Makna doktrin ini ialah bahawa kesulitan dan kesusahan itu menjadi sebab bagi kelonggaran dan kemudahan, dan pada waktu kesempitan mesti ada kelonggaran.²

Masyaqqa di sudut bahasa ialah sesuatu yang meletihkan. Dari sudut istilah, ia digunakan khusus bagi merujuk kepada sesuatu yang pada kebiasaannya mampu dilakukan, tetapi dalam kes tertentu ia telah terkeluar dari batas-batas kebiasaan dan

an
ul-

menyebabkan seseorang mukallaf mengalami kesukaran untuk melaksanakannya.³

Tujuan utama doktrin ini ialah untuk:⁴

- i. Menghindarkan umat Islam dari menyeleweng terhadap agama dan membenci taklif.
- ii. Mengelakkan diri dari mengabaikan tugas dan tanggungjawab kepada Allah ketika sibuk dengan tugas dunia.

Menurut al-Syatibi⁵ *masyaqqaah* terbahagi kepada dua:

- i. *Masyaqqaah* biasa. Iaitu kesulitan biasa yang boleh dihadapi tanpa mengalami sebarang kemudaratian, seperti kesulitan dalam menjalankan ibadah-ibadah fardu, kesulitan mencari nafkah, kesulitan dalam jihad menentang musuh dan seumpamanya. Kesulitan-kesulitan ini tidak membawa kepada keringanan hukum. Kerana ia bertujuan untuk menjaga maslahah manusia di dunia dan di akhirat.

- ii. *Masyaqqaah* luar biasa. Iaitu kesulitan yang menyebabkan kesengsaraan yang biasanya tidak mampu ditanggung oleh manusia biasa dan membawa kepada kemudaratian, mencacatkan sistem hidup dan membantut usaha melakukan sesuatu yang bermanfaat. Ia terbahagi kepada tiga peringkat:⁶

a. Kesulitan dan kepayahan yang besar dan berat. Contohnya kesusahan yang menimbulkan kebimbangan berlaku kemudaratian kepada diri dan anggota badan akibat dari puasa yang berpanjangan dan *qiyamullail* yang berterusan. *Masyaqqaah* ini mewajibkan *takhfif* (keringanan) kerana menjaga diri untuk melakukan ibadah lebih utama dari memudaratkannya hingga menghalang daripada melakukan ibadah.

b. Kesulitan yang ringan. Contohnya kesakitan yang boleh ditanggung. *Masyaqqaah* ini tidak diambilkira kerana menghasilkan maslahah itu lebih utama dari menghilangkan kesulitan yang sedikit itu.

c. Kesulitan yang pertengahan. Misalnya kesakitan biasa. Hukumnya tertakluk kepada kadar kesulitan itu sendiri, sekiranya ia hampir kepada tahap *masyaqqaah* yang berat maka ia perlu diringankan. Sekiranya hampir kepada *masyaqqaah* yang ringan, ia sebaliknya.

Menurut ulama usul fiqh faktor-faktor yang menyebabkan keringanan ialah seperti berikut:⁷

- a. *Safar* (Perjalanan)
- b. Sakit
- c. Paksaan
- d. Lupa
- e. Jahil
- f. Bencana atau malapetaka
- g. Tidak sempurna akal

Jenis-jenis Keringanan

Terdapat tujuh jenis *takhfif* (keringanan) yang disyariatkan apabila berlaku *masyaqqaah*:⁸

- i. Keringanan yang menggugurkan kewajipan (*Takhfif Isqat*), seperti gugurnya kewajipan puasa disebabkan terlalu uzur kerana sangat tua.
- ii. Keringanan yang mengurangkan (*Takhfif Tanqis*), seperti mengqasarkan sembahyang ketika musafir.
- iii. Keringanan boleh menggantikan (*Takhfif Ibdal*), seperti menggantikan wuduk dengan tayammum ketika ketidaan air atau sakit.
- iv. Keringanan boleh mendahulukan (*Takhfif Taqdim*) seperti mendahulukan sembahyang Asar pada waktu Zohor dan sembahyang Isyak pada waktu Maghrib semasa perjalanan.
- v. Keringanan boleh menta'khirkan (*Takhfif Ta'khir*), seperti menta'khirkan sembahyang zohor pada waktu Asar dan Maghrib pada waktu Isyak ketika perjalanan atau hujan. Juga harus menta'khirkan sembahyang bagi orang yang menyelamatkan orang dan sebagainya.
- vi. Keringanan yang memberi *rukhsah* (kelonggaran) (*Takhfif Tarkhis*), misalnya harus menggunakan najis untuk tujuan perubatan dan harus melafazkan kata-kata kufur ketika dipaksa.
- vii. Keringanan boleh mengubah (*Takhfif Taghyir*), seperti mengubah pergerakan sembahyang ketika dalam peperang atau kerana ketakutan.

Rukhsah Syar'iyyah

Doktrin *rukhsah* membuktikan bahawa Islam adalah syariat yang fleksibel dan sentiasa memudahkan umatnya. Ulama usul fiqh mendefinisikannya sebagai hukum-hukum yang disyariatkan oleh Allah dengan mengambilkira keuzuran manusia.⁹ Ulama dalam kalangan mazhab Syafi'i pula mentakrifkannya sebagai; hukum yang menyanggahi dalil kerana keuzuran.¹⁰

Istilah *rukhsah* digunakan bagi menunjukkan perbezaan dengan ‘azimah , iaitu hukum asal bagi setiap masa dan tempat, seperti wajibnya solat, zakat dan seumpamanya.¹¹

Ulama mazhab Syafi'i membahagikan rukhsah kepada lima bahagian:¹²

- i. *Rukhsah Wajib*, seperti memakan bangkai ketika darurat, berbuka puasa kerana terlalu lapar atau dahaga yang boleh membawa kepada kebinasaan diri dan minum arak untuk memboloskan makanan yang tersekat di kerongkong ketika tiada minuman lain. Ia wajib dilakukan bagi menjaga nyawa. Firman Allah yang bermaksud:
- “*dan janganlah kamu meletakkan diri kamu di dalam kebinasaan*”
- (al-Baqarah 2: 195)
- ii. *Rukhsah Sunat*, seperti mengqasarkan sembahyang ketika perjalanan. Sabda Nabi s.‘a.w. yang bermaksud:
- “*Ia merupakan sedekah yang disedekahkan oleh Allah kepada kamu, maka terimalah sedekah-Nya*”
- (Riwayat Muslim)

- ya
an
ik
n
u
- iii. Juga seperti berbuka puasa kerana sakit atau dalam perjalanan.
 - iv. *Rukhsah Harus*, seperti akad jual *Salam*, *Bai' al-urya*, akad sewaan dan sebagainya. Ia diharuskan kerana keperluan.
 - iv. *Rukhsah Khilaf al-Aula*, seperti melafazkan kekufuran ketika dipaksa dalam keadaan hati tetap beriman dan berbuka puasa ketika perjalanan bagi orang yang tidak mengalami sebarang kesulitan. Firman Allah yang bermaksud:

"Dan berpuasa itu lebih baik bagi kamu"

(*al-Baqarah* 2: 184)

- 1
2
;
- v. *Rukhsah Makruh*, seperti mengqasarkan sembahyang dalam perjalanan yang memakan masa kurang dari tiga hari tiga malam.
 - i. Ulama mazhab Hanafi pula membahagikan *rukhsah* kepada empat jenis:¹³
 - i. Harus melakukan yang haram ketika darurat dan hajat, seperti melafazkan kata-kata kufur ketika dipaksa dalam keadaan hati tetap beriman. Ini berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

"Barangsiapa yang mengkufuri Allah selepas dia beriman, kecuali orang yang dipaksa (melakukan kekufuran) sedangkan hatinya tetap teguh beriman..."

(*al-Nahl* 16: 106)

Juga seperti berbuka puasa pada bulan Ramadan, memusnahkan harta orang lain ketika dipaksa dan sebagainya. Hukum rukhsah ini harus tetapi dalam kes dipaksa melakukan kekufuran, mereka berpendapat bahawa beramal dengan ‘azimah itu lebih utama. Kerana sekiranya dia dibunuh kerana tidak melakukannya dia akan mendapat pahala mati syahid.

- ii. Harus meninggalkan yang wajib, seperti harus berbuka puasa pada bulan Ramadan kerana sakit atau musafir. Ini berdasarkan firman Allah yang bermaksud:

"Barangsiapa yang sakit atau dalam perjalanan bolehlah menggantikannya (puasa) pada hari yang lain"

(*al-Baqarah* 2: 184)

- iii. Harus melakukan akad atau urusan yang diperlukan oleh manusia walaupun pada asalnya ia bertentangan dengan kaedah umum perundangan Islam, seperti akad jual salam dan akad *istisna'* (tempahan).
- iv. Menghapuskan hukum yang menyulitkan yang disyariatkan dalam syariat-syariat terdahulu, seperti membunuh diri untuk bertaubat dan mengoyakkan bahagian yang terkena najis pada pakaian. *Rukhsah* ini adalah *majazi* sahaja kerana pada hakikatnya hukum tersebut tidak terpakai lagi dalam Syariat Muhammad.

Bagi Imam al-Syatibi pula,¹⁴ *rukhsah* itu sendiri harus secara mutlak, tidak ada rukhsah wajib atau sunat. Bagi beliau hukum wajib makan bangkai ketika dharurah,

sebenarnya ‘azimah yang sabit untuk menjaga kehidupan berdasarkan kepada firman Allah yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu dedahkan diri kamu kepada kebinasaan”
(al-Baqarah 2: 195)

“Dan janganlah kamu bunuh diri kamu”
(al-Nisa’ 4: 29)

Sebahagian ulama berpendapat bahawa rukhsah hanya merangkumi perkara-perkara yang tidak dinaskan ketidakharusannya. Tetapi jika ada nas secara *qat’ie*, rukhsah tidak berbangkit walaupun ada masyaqqah. Pendapat ini masyhur di kalangan pengikut mazhab Hanafi.¹⁵

Jika seseorang itu terus beramal mengikuti hukum asal sedangkan ada masyaqqah yang mengharuskan *rukhsah*, apakah hukum perbuatannya itu? Al-Zarkashi berpendapat sah dan gugur kewajipannya jika *masyaqqah* itu tidak membawa kepada kebinasaan atau *dharar* yang lebih besar. Sebaliknya kalau ditakuti akan timbul *dharar* yang lebih besar atau boleh membawa kepada kemusnahan, mestilah diamalkan *rukhsah*. Kerana itu wajib berbuka puasa ketika sangat lapar. Sekiranya puasa diteruskan juga ia dikira maksiat (ingkar).¹⁶ Mengikut Imam al-Ghazzali, puasa itu mungkin tidak sah kerana ia mengingkari *rukhsah* tersebut. Ia boleh disifatkan sebagai jenayah terhadap ruh yang menjadi hak Allah Ta’ala. Bagaimanapun, kata beliau ini tidak bermakna ia satu maksiat.¹⁷

Masyaqqah Yang Membawa kepada Keringanan

Untuk merujuk kepada ‘uruf bagi menentukan *masyaqqah*, tidak mungkin. Kerana ‘uruf manusia itu tidak sama dan sering berubah serta tidak ada pembatasan yang tertentu. Adalah lebih tepat kaedah Syarak digunakan. Kata para *fuqaha*:¹⁸

“Masyaqqah yang tidak ditentukan oleh Syarak akan ditentukan dengan kaedah-kaedah syarak. Kerana apa yang tidak ditentukan syarat-syaratnya tidak harus dibatalkan atau tidak diambilkira”

Maksud kaedah syarak ialah prinsip-prinsip umum hukum dalam menentukan *maqasid* Syari‘ah itu sendiri. Bagaimanapun, secara praktiknya ada perbezaan aplikasi antara aspek ibadat dan muamalat. Dalam ibadat ada tahap tertentu yang menjadikan sesuatu kesulitan itu membawa kepada keringanan. Manakala dalam muamalat, keringanan berlaku apabila saja ada *masyaqqah*. Cuba kita perhatikan dengan lebih teliti:

Ibadat

‘IzzudDin AbdusSalam menyebut, dalam ibadah, ada ditentukan tahap *masyaqqah* yang paling rendah. Sekiranya *masyaqqah* yang seumpamanya itu atau lebih berlaku, hukum *rukhsah* akan sabit. Sekiranya *masyaqqah* itu lebih ringan atau

lebih sedikit, tiada rukhsah. Dalam ibadat puasa misalnya, perjalanan (safar) menjadi sebab kepada harus berbuka kerana biasanya ada *masyaqqah*. Maka apabila berlaku satu kesulitan lain dalam ibadat puasa ia hendaklah diciaskan kepada *masyaqqah* perjalanan. Sekiranya ada *masyaqqah* yang sama atau lebih, diharuskan berbuka walaupun bukan kerana perjalanan.¹⁹

Muamalat

Dalam aspek muamalat, ada *rukhsah* apabila syarat minima sesuatu muamalah itu telah dipenuhi. Misalnya segala syarat dalam jual-salam dianggap telah dipenuhi apabila tahap paling minima bagi syarat-syarat itu telah terlaksana. Ini kerana ada *masyaqqah* bagi memenuhi kehendak kualiti tertentu.²⁰

Asas Hukum Keringanan

Doktrin “kesulitan itu membawa kepada kesenangan atau kemudahan” bukanlah suatu kaedah yang umum yang terpakai kepada semua bentuk *masyaqqah*. Sebaliknya, sama seperti kaedah-kaedah fiqh yang lain, ia terpakai kepada kebanyakan hal sahaja. Oleh itu *masyaqqah* yang dinaskan sebagai sebab keringanan, boleh diamalkan. Manakala yang tidak adalah sebaliknya.

Sesuatu yang dinaskan oleh syarak sebagai sebab keringanan, hendaklah dilaksanakan walaupun *masyaqqah* tidak berlaku secara nyata. Kerana *masyaqqah* itu merupakan satu perkara yang maknawi dan sering berubah-ubah mengikut keadaan individu, masa dan tempat. Kadangkala sesuatu itu dianggap sebagai *masyaqqah* bagi sesetengah kalangan tetapi tidak bagi kalangan yang lain. Seorang lelaki gagah yang sering mengembara di padang pasir yang luas sehingga telah terbiasa, tidak lagi merasai sebarang kesulitan untuk melaksanakan ibadah dengan sempurna dan tepat pada waktunya. Tetapi bagi orang lain mungkin berbeza dan berlaku sebaliknya. Keadaan *safar* (perjalanan) pula sering berbeza. Seorang yang mengembara dengan menaiki unta di bawah terik matahari di padang pasir tidak sama dengan orang yang mengembara menggunakan kapal terbang. Orang yang musafir pada musim panas tidak sama dengan orang yang musafir pada musim bunga. Musafir seorang ketua negara juga jauh berbeza dengan musafir orang biasa di segi persediaan dan kelengkapan bekalan. Kemampuan seseorang menahan lapar dan dahaga juga tidak sama. Orang yang sakit juga tidak sama *masyaqqah* mereka lantaran jenis penyakit yang berbeza dan kemampuan menahan sakit yang turut berbeza.

Justeru itu, tiada satu syarat khusus yang menentukan *masyaqqah* yang bagaimanakah boleh membawa kepada keringanan. Oleh sebab itu jugalah maka Syarak menentukan, dalam kebanyakan hal, memadai dengan wujudnya sebab (*'illah*) bagi *masyaqqah* atau sifatnya sahaja sebagai asas bagi hukum takhfif tanpa melihat kepada hakikat *masyaqqah*. Ini kerana wujudnya sebab (*'illah*) itu diketahui secara berpandukan kebiasaan. Pengembaran (*safar*) menjadi sebab bagi *takhfif* kerana pada kebiasaannya ia mengandungi *masyaqqah*. Sakit juga menjadi sebab

bagi *tukhfif* kerana ia biasanya membawa kepada kemudarat dan kesusahan.

Hakikat ini berlandaskan kepada satu kaedah usul al-fiqh yang bermaksud:²¹

"Sesuatu hukum itu wujud berdasarkan kepada wujudnya 'illah (sebab) walaupun mungkin tiada hikmatnya, dan hukum itu tiada apabila tiada 'illah walaupun hikmatnya ada"

Sebagai contoh, musafir merupakan sebab yang mengharuskan berbuka puasa dan mengqasarkan sembahyang. Hikmatnya ialah menghapuskan kesulitan. Hukum harus berbuka puasa dan mengqasarkan sembahyang ini wujud dan kekal sebaik sahaja ada sebabnya iaitu musafir, walaupun hikmatnya mungkin tidak wujud dalam perjalanan dengan menggunakan kapal terbang. Hukum ini menjadi terbatas sekiranya tiada sebab iaitu musafir, walaupun wujud hikmatnya, seperti orang yang bekerja berat. Ini kerana 'illahnya tidak ada. Cuma syarak memberi kelonggaran harus berbuka puasa apabila wujud *masyaqqa* yang bersanggatan atau dharurat seperti terlalu lapar yang boleh membawa kepada kemudarat.

NOTA RUJUKAN

1. JalaludDin AbdurRahman al-Sayuti (1959), *al-Ashbah wa al-Naza'ir fi Qawa'id wa Furu' Fiqhi al-Syafi'iyyah*. Kaherah: Matba'ah Mustafa al-Babiy al-Halabi Wa Auladuhu, cet. terakhir, m.s. 76. lihat juga Zainul Abidin Bin Ibrahim Bin Nujaim (1968), *al-Asybah wa al-Naza'ir 'ala Mazhab Abi Hanifah al-Nu'man*. Kaherah: Muassasah al-Halabi Wa Auladuhu li al-Nasyri wa al-Tauzi', m.s. 75. lihat juga *Majallah al-Ahkam al-'Adliyyah*, Wizarah Mudiriyyah al-'Adliyyah, Syiria, (1968), Matba'ah al-Sya'arku, cet. ke 5, m.s. 18.
2. *Majallah al-Ahkam al-Adliyyah*, *Ibid.*
3. Abu Ishak Ibrahim Bin Musa al-Lakhmi al-Syatibi (t.t.), *al-Muwafaqat fi Usul al-Ahkam*. Kaherah: Dar al-Fikri, juz. 2, m.s. 80.
4. *Ibid.*, m.s. 83.
5. *Ibid.*, m.s. 104.
6. Ibnu Nujaim, *op.cit.*, m.s. 82.
7. *Ibid.*, m.s. 75 - 81.
8. Wahbah al-Zuhaili (Dr.) (1982), *Nazariyat al-Dharurah al-Syar'iyyah, Muqaranah Ma'a al-Qanun al-Wadh'iyy*. Beirut: Muassasah al-Risalah, cet. ke 3, m.s. 205. lihat juga Ibnu Nujaim, *op. cit.*, m.s. 83. lihat juga Al-Sayuti, *op.cit.*, m.s. 82.
9. SaifudDin Abu al-Hasan Ali Bin Ali Bin Muhammad al-Amidi (1985), *al-Ihkam fi Usul al-Ahkam*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, jil. 1, m.s. 68.

10. Abu Hamid Muhammad Bin Muhammad al-Ghazali (t.t.) *al-Mustasfa min 'Ilmi al-Usul*. Damsyiq: Dar al-Fikr, jil. 1, m.s. 63.
11. 'AbdulKarim Zaidan (Dr.) (1986), *al-Wajiz Fi Usul al-Fiqh*. Baghdad: Muassasah al-Risalah, m.s. 50 - 51.
12. Wahbah al-Zuhaili (Dr.) (1986), *al-Wasit Fi Usul al-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: al-Matba'ah al-Ilmiyah, cet. ke 2, m.s. 115.
13. *Ibid.*, m.s. 116.
14. Al-Zuhaili, *Nazariyat al-Dharurah al-Syar'iyyah*, *op.cit.*, m.s. 209. Lihat juga: al-Syatibi, *op.cit.*, m.s. 255.
15. Ibnu Nujaim, *op.cit.*, m.s. 83 - 84.
16. Al-Zuhaili, *Nazariyat al-Dharurah al-Syar'iyyah*, *op.cit.*, m.s. 213.
17. *Ibid.*, m.s. 214.
18. *Ibid.*
19. *Ibid.*, m.s. 215.
20. *Ibid.*, m.s. 217.
21. Wahbah Al-Zuhaili (Dr.) (1987), *Usul a-Fiqh al-Islami*. Damsyiq: Dar al-Fikri, juzuk 1, cet. pertama m.s. 651.